

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 MAY 2016

## 1.2 juta tandatangan Deklarasi Rakyat didakwa palsu

**KUALA LUMPUR 26 Mei** - Seorang pengatur cara komputer bebas hari ini mengaku terlibat dengan urus niaga menjual pangkalan data penduduk negara ini bagi mendapatkan 1.2 juta tandatangan untuk keperluan projek Deklarasi Rakyat yang digerakkan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan pakatan pembangkang.

Menurut Azharuddin Othman, 30, dia telah dihubungi oleh seorang wanita bernama Ema atau lebih dikenali dengan 'Ratu Naga' yang meminta untuk membeli pangkalan data berkenaan.

"Saya pernah bertemu dengan dia, namun kebanyakan komunikasi dilakukan melalui aplikasi *WhatsApp*.

"Pada 27 April lalu dia telah menghubungi saya dan menawarkan RM5,000 untuk membeli pangkalan data itu bagi kegunaan projek memorandum Deklarasi Rakyat yang akan dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Penyelaras Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), Badrul Hisham Shaharin dan Presiden Gabungan Melayu Nusantara (GMN), Musatafar Abu Bakar.

Kata Azharuddin, wanita itu



**AZHARUDDIN OTHMAN (tengah)** menunjukkan surat akuan bersumpah berkenaan penipuan jumlah tandatangan Deklarasi Rakyat dalam sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam.

turut mengakui pangkalan data itu diperlukan secepat mungkin untuk tujuan pemalsuan tandatangan Deklarasi Rakyat.

Jelas lelaki berasal dari Terengganu itu, dia menyerahkan pangkalan data tersebut melalui e-mel milik wanita terbabit beralamat [prime.ratu@gmail.com](mailto:prime.ratu@gmail.com).

Ditanya mengapa dia bertindak melakukan pendedahan

tersebut, Azharuddin memberitahu, setelah semua proses penyerahan pangkalan data itu selesai, wanita terbabit hanya membayar RM1,000.

"Saya hanya mendapat RM1,000 sahaja dan sehingga kini saya masih tidak menerima baki bayaran seperti yang dijanjikan.

"Saya juga telah membuat akuan bersumpah tentang perka-

UM-27/5/2016  
ra ini dan saya juga mempunyai salinan komunikasi *WhatsApp* dan e-mel antara saya dengan wanita berkenaan," katanya yang mengaku sedar dan bertanggungjawab terhadap pendedahan itu.

Sementara itu, Badrul Hisham berkata, apa yang telah berlaku amat memalukan selain bersimpati terhadap pihak yang turut bersamanya dalam gerakan deklarasi itu.

"Sudah saya jelaskan dari awal Mahathir dan pengikutnya tidak pernah berubah, Mereka mengamalkan politik *Machiavelli* yang tegar dan akan melakukan apa sahaja demi mencapai matlamat mereka," ujarnya.

Pada 18 Februari lalu, seorang wanita, Syarul Ema Rena Abu Samah, 35, yang menggunakan nama samaran Ratu Naga di laman sosial Facebook didakwa di Mahkamah Sesyen atas tuduhan menghantar komen bersifat menghina Perdana Menteri pada Oktober lalu menerusi Facebook.

Sementara itu, 'Ratu Naga' dalam Facebook miliknya hari ini mendakwa dirinya difitnah dengan dakwaan terlibat dalam penipuan tandatangan Deklarasi Rakyat dan menyatakan akan membuat sidang akhbar untuk menjawab tuduhan itu.